

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)20

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

20. Apakah Kerajaan Negeri sedar tentang kemerosotan hasil tanaman padi pada musim 1/2025 mengalami kerugian?
- (a) Adakah bantuan *one-off* akan diberikan kepada semua pesawah yang rugi bagi membantu memulakan musim 2/2025?
 - (b) Apakah cadangan Kerajaan Negeri bagi memperkasakan sektor tanaman padi supaya pesawah dapat menikmati pendapatan yang lebih baik di masa hadapan?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Kerajaan Negeri mengambil perhatian tentang kemerosotan hasil tanaman padi pada Musim 1/2025 terutamanya di kawasan Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Tengah (SPT). Kemerosotan hasil padi ini telah memberi kesan langsung kepada pendapatan pesawah. Berdasarkan pemantauan dan laporan lapangan oleh Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pulau Pinang, punca utama penurunan hasil tersebut adalah

disebabkan oleh serangan rumpai keladi agas (*Monochoria vaginalis*) iaitu sejenis rumpai daun lebar akuatik yang mudah membiak melalui biji benih dan rizom. Rumpai ini bersaing dengan tanaman padi untuk mendapatkan nutrien, cahaya matahari dan air sekaligus menyebabkan pertumbuhan pokok padi terbantut, hasil tuaian berkurangan dan mutu beras menurun. Keadaan ini turut menyukarkan kerja-kerja penyelenggaraan ladang serta meningkatkan kos kawalan di peringkat pesawah. Selain serangan rumpai keladi agas, faktor lain yang turut menyumbang kepada penurunan hasil adalah kualiti air pengairan yang terjejas, penggunaan benih tidak sah, amalan agronomi yang tidak mengikut piawaian serta kekurangan tenaga kerja di lapangan.

(a) Bagi menangani isu ini, Kerajaan Negeri melalui DOA Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan Jawatankuasa *Task Force* khas pada Mei 2023 bagi membendung, menghapus dan mengawal keladi agas serta menyelaraskan tindakan bersepadu antara jabatan/agensi dan pesawah. Sebanyak RM900,000.00 telah diperuntukkan pada tahun 2023 di bawah Program Pembangunan Tanaman Padi bagi pelaksanaan aktiviti kawalan rumpai ini. Daripada

jumlah tersebut, RM400,000.00 digunakan khusus untuk perolehan perkhidmatan kawalan keladi agas mengikut pakej yang disyorkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di dua (2) daerah utama pengeluaran padi di negeri ini. Hasil pelaksanaan ini menunjukkan kesan positif dengan penurunan keluasan infestasi sebanyak 64.15% pada Musim 1/2024. Selain itu, sebanyak 12 siri kempen dan taklimat kawalan rumpai, perosak dan penyakit telah dijalankan sepanjang tahun 2025 bagi meningkatkan kesedaran pesawah tentang kepentingan kawalan awal dari peringkat penyediaan tanah (pra-cambah). Petak demonstrasi penanaman mengikut kaedah *Rice Check* turut dilaksanakan di Daerah SPU melibatkan keluasan empat (4) hektar bagi memperkukuh amalan agronomi yang tepat dan berkesan dalam mengurangkan serangan rumpai. Buat masa ini, Kerajaan Negeri memberi keutamaan kepada usaha pemulihan kawasan sawah dan peningkatan hasil melalui pendekatan kawalan bersepadu, bantuan teknikal serta pemantapan amalan pertanian lestari di peringkat pesawah. Langkah-langkah

ini dilaksanakan bertujuan untuk membolehkan pesawah kembali menanam dengan lebih berkesan pada Musim 2/2025. Selain itu, Kerajaan Negeri akan meneliti keperluan pemberian bantuan khas (one-off) kepada pesawah yang terjejas dengan mengambil kira tahap kerosakan sebenar, kesan terhadap pendapatan pesawah serta kemampuan kewangan semasa Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri akan turut bekerjasama dengan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan DOA Malaysia dalam menyalurkan bantuan teknikal dan sokongan sewajarnya kepada pesawah yang terjejas.

- (b) Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk memperkasakan sektor tanaman padi sebagai salah satu tunjang utama sekuriti makanan negeri dan sumber pendapatan pesawah di Negeri Pulau Pinang. Dalam usaha ini, pelbagai strategi dan inisiatif dilaksanakan bagi memastikan pesawah dapat menikmati pendapatan yang lebih stabil dan mampan pada masa hadapan seperti perkara yang berikut:

(i) **Peningkatan Produktiviti dan Hasil Tanaman**

Kerajaan Negeri melalui DOA menumpukan kepada peningkatan hasil purata daripada 4.95 tan sehektar pada Musim 1/2025 kepada sasaran 7.0 tan sehektar menjelang tahun 2030. Usaha ini dilaksanakan melalui pengenalan varieti padi berpotensi tinggi, penggunaan benih sah, pembajaan seimbang serta amalan agronomi baik mengikut piawaian *Rice Check*.

(ii) **Kawalan Rumpai, Perosak dan Penyakit Secara Bersepadu**

Bagi menangani punca kemerosotan hasil seperti serangan keladi agas (*Monochoria vaginalis*), Kerajaan Negeri meneruskan pelaksanaan langkah kawalan bersepadu melalui Jawatankuasa *Task Force* khas, program kawalan kimia dan manual serta kempen kesedaran kepada pesawah. Pendekatan ini bukan sahaja memulihkan kawasan terjejas, malah meningkatkan kecekapan pengurusan ladang bagi musim penanaman seterusnya.

(iii) **Memulihkan Kawasan Pasel Terbiar (PT) dan Mengoptimumkan Pasel Aktif (PA)**

Berdasarkan data semasa, keluasan keseluruhan pasel padi negeri adalah 12,218.08 hektar termasuk 11,858 hektar Pasel Aktif (PA), 177.24 hektar Pasel Terbiar (PT) dan 182.84 hektar Pasel Pelbagai (PP). Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada usaha memulihkan kawasan terbiar dan meningkatkan penggunaan tanah sawah secara optimum terutamanya di Daerah SPU yang mempunyai keluasan PA tertinggi iaitu 8,004.12 hektar.

(iv) **Pemodenan Sektor Penanaman Padi**

Inisiatif pemodenan melalui penggunaan jentera moden, sistem pengairan cekap air dan aplikasi teknologi digital seperti *smart farming* sedang diperluas dengan kerjasama jabatan/agensi teknikal dan institusi penyelidikan. Pendekatan ini bertujuan mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja manual, meningkatkan kecekapan pengurusan ladang serta mengoptimumkan hasil per hektar.

(v) **Pembangunan Modal Insan, Penglibatan Belia dan Pengukuhan Organisasi Tani**

Kerajaan Negeri turut memberi tumpuan kepada usaha menarik minat generasi muda untuk menceburi bidang pertanian melalui insentif belia tani, program latihan kemahiran pertanian moden serta bimbingan teknikal berterusan yang dilaksanakan bersama institusi latihan dan jabatan/agensi berkaitan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga menggalakkan penubuhan koperasi pertanian dalam kalangan kelompok tani aktif bagi memperkukuh kerjasama, meningkatkan keupayaan pemasaran hasil serta membolehkan pesawah menikmati ekonomi skala dan pengurusan input pertanian yang lebih cekap.

(vi) **Insentif dan Sokongan Berterusan kepada Pesawah**

Selain bantuan infrastruktur dan khidmat teknikal, Kerajaan Negeri turut meneliti bentuk insentif tambahan termasuk bantuan *one-off* kepada pesawah terjejas. Walau bagaimanapun, ia bergantung kepada kemampuan kewangan semasa Kerajaan Negeri dan

tahap impak kerugian yang dialami oleh pesawah. Fokus utama adalah memastikan pesawah dapat kembali menanam dengan sokongan input, khidmat nasihat teknikal serta bantuan pengurusan ladang yang berkesan.

Secara keseluruhannya, pendekatan bersepadu ini diharap dapat mempertingkatkan produktiviti sawah padi negeri, menstabilkan pendapatan pesawah, memperkukuh kerjasama dalam kalangan kelompok tani serta memastikan kelestarian bekalan makanan Pulau Pinang dalam jangka panjang.